

KEADAAN EKONOMI KOMUNITI ORANG ASLI SEMOQ BERI DI KAMPUNG SUNGAI BERUA, TERENGGANU

*(The Economic Conditions of Semoq Beri Indigenous Community in Kampung Sungai Berua,
Terengganu)*

Muhammad Wafi Ramli

ABSTRAK

Malaysia sudah mencapai kemerdekaan sejak enam dekad yang lalu dan sedang menuju ke arah negara maju. Sepanjang tempoh ini, terdapat pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk masyarakat orang asli bagi meningkatkan taraf hidup mereka terutama dalam aspek ekonomi. Namun, masih terdapat segelintir dalam kalangan mereka yang belum mencapai keadaan ekonomi yang baik. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji keadaan ekonomi komuniti orang asli Semoq Beri melalui indikator pekerjaan dan pendapatan, perbelanjaan asas, dan pemilikan aset. Kajian ini menggunakan kaedah borang kaji selidik dengan melibatkan 30 responden ketua isi rumah (KIR) yang dipilih secara rawak. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan dan peratusan. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti dalam kalangan responden masih menjalankan aktiviti memungut hasil hutan sebagai pekerjaan utama. Pendapatan bulanan yang dijana melalui pekerjaan tersebut tidak memberi pulangan yang tinggi untuk kelangsungan hidup yang mana menunjukkan bahawa mereka masih hidup di bawah pendapatan garis kemiskinan (PGK), iaitu kurang RM880 sebulan. Perbelanjaan asas mereka juga agak tinggi berbanding dengan keupayaan pendapatan bulanan. Mereka juga tidak mempunyai aset yang lengkap seperti barangan keperluan rumah dan kenderaan yang mana tidak dapat menjamin keselesaan hidup. Kajian ini dirujuk penting kepada pihak berwajib untuk lebih peka dengan kehidupan komuniti orang asli Semoq Beri sekali gus dapat membantu untuk meningkatkan keadaan ekonomi mereka secara holistik pada masa hadapan.

Kata kunci: ekonomi, keadaan, komuniti, orang asli, Semoq Beri

ABSTRACT

Malaysia has reached the age of independence for the past six decades and is heading towards becoming a developed country. During this period, various initiatives have been taken by the government in improving the living standards of the indigenous peoples, particularly in economic terms. Yet there are still a few of those who haven't reached successful economic conditions. The objective of this study is to examine the economic conditions of Semoq Beri indigenous community through indicators of occupation and income, basic expenses, and asset ownership. This study utilized questionnaire method involving 30 respondent of head of households that were randomly selected. Descriptive statistics analysis was used to obtain frequency and percentage

values. Findings show that majority of respondents still conduct forest-gathering practices as their main occupation. The monthly income produced through this occupation did not yield significant survival returns, which showed that they live below the poverty line income (PLI), which denotes that they earn less than RM880 a month. Their basic expenses are also relatively high compared to their monthly income. They also lacked complete assets such as household goods and vehicles which cannot guarantee their comfort in life. This study is important to assist the authorities to be more aware of the Semoq Beri indigenous community's life while at the same time helping them to improve their economic conditions holistically in the future.

Keywords: economy, condition, community, indigenous people, Semoq Beri

PENGENALAN

Masyarakat orang asli di Semenanjung Malaysia mempunyai jumlah populasi seramai 178,197 orang (JAKOA 2018). Masyarakat orang asli terbahagi kepada tiga kumpulan kaum, iaitu Senoi, Negrito, dan Melayu-Proto (Carey 1976). Daripada tiga kumpulan kaum ini, dipecahkan pula kepada lapan belas kumpulan etnik yang kecil. Misalnya, kumpulan Senoi terdiri daripada etnik *Semoq Beri*, *Temiar*, *Semai*, *Jahut*, *Che Wong*, dan *Mah Meri*. Manakala kumpulan Negrito terdiri daripada etnik *Kensiu*, *Kintak*, *Jahai*, *Mendriq*, *Bateq*, dan *Lanoh*. Bagi kumpulan Melayu-Proto pula terdiri daripada etnik *Temuan*, *Duano*, *Seletar*, *Jakun*, *Kanaq*, dan *Semelai*. Setiap pengkelasan etnik ini dibezakan melalui bentuk fizikal, bahasa, kebudayaan, adat resam, dan fungsi ekonomi (Harun & Idris 2009).

Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, negara Malaysia telah mengorak langkah yang progresif untuk meningkatkan kedudukan sosiokonomi negara dan semua lapisan masyarakatnya. Pelbagai program pembangunan telah dilaksanakan oleh kerajaan bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan sekali gus mengurangkan dan membasmi insiden kemiskinan (Yazid 2013). Inisiatif pembangunan juga telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui JAKOA untuk menaik taraf sosioekonomi masyarakat orang asli setanding dengan masyarakat arus perdana. Misalnya program pembangunan sosial seperti penyediaan akses kepada pendidikan, kesihatan, perumahan, dan sebagainya. Manakala program pembangunan ekonomi pula seperti projek tanaman kontan (sayur-sayuran), projek ternakan haiwan, projek tanaman getah dan kelapa sawit, projek pembangunan usahawan masyarakat orang asli, dan sebagainya (Krishnasamy & Hassan 2016).

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian tentang kehidupan masyarakat orang asli yang telah dijalankan masih menunjukkan keadaan ekonomi yang tidak memuaskan meskipun pelbagai program dan usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan. Hal ini disebabkan oleh sebahagian besar masyarakat orang asli di negara ini masih dibelenggu dengan masalah kemiskinan (Omar & Fizer 2015). Bagi kes komuniti orang asli Semoq Beri, kerajaan telah melaksanakan program penempatan semula di Kampung Sungai Berua sekitar lebih 40 tahun yang lalu untuk kehidupan mereka. Di penempatan semula tersebut, mereka telah dibekalkan dengan kemudahan asas seperti rumah, bekalan air dan elektrik, klinik kesihatan, pendidikan, jalan raya, dan lain-lain lagi. Tujuannya adalah untuk membawa perubahan hidup komuniti orang asli Semoq Beri ke arah yang sejahtera. Bertitik tolak daripada hal ini, kajian ini dilakukan terhadap komuniti orang asli Semoq

Beri bertujuan untuk mengkaji keadaan ekonomi mereka sama ada sudah mencapai progresif yang baik ataupun sebaliknya.

KAJIAN LITERATUR

Kehidupan masyarakat orang asli di Semenanjung Malaysia sering kali memperlihatkan isu-isu seperti kemiskinan, peminggiran sosial, keciciran pendidikan, tahap pekerjaan dan kesihatan yang rendah, dan sebagainya. Meskipun masyarakat orang asli telah mengalami perubahan dalam sosioekonomi berbanding 20 tahun yang lalu, namun terdapat sebilangan dalam kalangan mereka masih tidak dapat mengejar kemajuan yang dialami oleh negara dan perubahan kemajuan tersebut berlaku dengan kadar yang perlahan (Jamiran & Wee 2013).

Berdasarkan kajian oleh Choy et al. (2010) yang mengkaji keadaan ekonomi komuniti orang asli di kawasan Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor, mendapati bahawa sebanyak 82.0% penduduk di situ masih bekerja sendiri berbanding 18.0% yang bekerja di sektor kerajaan. Pekerjaan sendiri merangkumi penjualan sumber hasil hutan untuk memperoleh sumber pendapatan seperti kayu gaharu, nibung, umbut kelapa, herba dan sebagainya. Kegiatan mencari kayu gaharu menjadi pekerjaan utama penduduk dengan hasilnya dijual sekali dalam tempoh seminggu. Pekerjaan sampingan penduduk di situ ialah menganyam kraf tangan daripada rotan, lempit, bertam dan sebagainya. Mereka menjadikan sumber hutan sebagai sumber makanan untuk mengurangkan bebanan kewangan. Sebanyak 63.6% penduduk di situ memperoleh pendapatan di antara RM201 hingga RM400. Pendapatan yang diperoleh berubah-ubah tertakluk pada kuantiti dan kualiti sumber hutan yang serba kekurangan.

Selain itu, kajian oleh Krishnasamy dan Hassan (2016) yang mengkaji keadaan ekonomi komuniti orang asli di Cameron Highlands, mendapati bahawa terdapat dalam kalangan mereka yang melakukan pekerjaan utama sebagai pekebun kecil getah, pekebun kelapa sawit dan petani yang menanam kontan. Kegiatan memungut hasil hutan juga dilakukan oleh mereka, namun ia menjadi pekerjaan sampingan sahaja. Walaupun pendapatan dan penglibatan mereka dalam tanaman moden telah meningkat, namun kadar peningkatannya masih rendah jika dibandingkan dengan purata pendapatan bulanan rakyat Malaysia. Hampir 90.0% orang asli di situ tergolong dalam kategori miskin. Hal ini menunjukkan bahawa keadaan ekonomi orang asli di Cameron Highlands masih tidak memuaskan.

Di samping itu, kajian oleh Abdullah et al. (2015) yang mengkaji keadaan ekonomi komuniti orang asli di Bukit Lanjan, Selangor, mendapati bahawa walaupun mereka sudah hidup di penempatan semula yang dibina di kawasan bandar, dari segi pendapatan 77.0% orang asli di situ memperoleh kurang daripada RM900 sebulan yang dianggap sebagai gaji minimum di Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun mereka sudah ditempatkan untuk hidup di kawasan bandar selama hampir 20 tahun, keadaan ekonomi mereka masih tidak berubah ke arah yang progresif.

Seterusnya, kajian oleh Fadzil et al. (2016) yang mengkaji keadaan ekonomi komuniti orang asli di Air Banun, Perak, mendapati bahawa penanaman getah merupakan pekerjaan utama mereka. Hasil getah yang diperoleh dijual kepada orang tengah yang terdiri daripada penduduk tempatan, peraih luar, atau FELCRA. Hanya sebahagian kecil pekebun orang asli ini menggunakan baja dan racun untuk tanaman mereka. Antara cabaran hidup pekebun kecil orang asli di sini ialah

gangguan babi dan gajah yang merosakkan tanaman. Selain penanaman getah, mereka juga turut terlibat dengan pekerjaan lain seperti petani, pemotong kayu, nelayan, pemungut hasil hutan dan penghasil kraf tangan. Kekangan ekonomi dapat dilihat misalnya bagi penduduk orang asli yang memungut hasil hutan seperti herba-herba, mereka mengalami kekurangan kepakaran dari segi teknologi untuk menghasilkan produk yang berkualiti.

Begitu juga dengan kajian oleh Hanafiah (2014) yang mendapati bahawa keadaan ekonomi komuniti orang asli di Air Banun masih tidak memuaskan walaupun kehidupan mereka telah dibantu oleh kerajaan melalui program penempatan semula yang sudah diwujudkan lebih dari 30 tahun. Hanafiah (2014) menyatakan lagi bahawa hampir 97.0% orang asli di situ masih berada di bawah paras kemiskinan, iaitu sebilangan besar dalam kalangan mereka memperoleh pendapatan kurang daripada RM400 sebulan dan purata pendapatan KIR ialah sebanyak RM269 sebulan.

Selanjutnya, Lee et al. (2018) mengkaji keadaan ekonomi komuniti orang asli di Runchang, Pahang, mendapati bahawa hampir separuh penduduk orang asli di kawasan tersebut menjalankan pekerjaan mencari tunggul-tunggul kayu kesan daripada aktiviti pembalakan terdahulu, 30.0% lagi menjalankan aktiviti pertanian, 20.0% terlibat dalam sektor swasta dan hanya 1.0% sahaja menjalankan pekerjaan perniagaan kedai runcit di kawasan tersebut. Aktiviti pertanian yang dijalankan oleh mereka seperti menoreh dan mengutip getah sekerap, mengait tandan kelapa sawit dan membersihkan ladang. Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat dalam kalangan mereka yang mengalami masalah kemiskinan dalam jurang pendapatan. Misalnya, pendapatan yang terendah ialah RM200 manakala pendapatan yang tertinggi ialah RM2000.

Kesimpulan daripada kajian literatur di atas, maka dapatlah dirumus bahawa keadaan ekonomi masyarakat orang asli masih lagi berada pada tahap yang rendah yang mana kebanyakan dalam kalangan mereka masih terikat dengan aktiviti ekonomi tradisional dan memperoleh pendapatan bulanan yang rendah serta tidak ramai yang bekerja di luar kepompong tradisional.

METODOLOGI KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan, iaitu dengan melibatkan seramai 30 responden yang terdiri daripada KIR orang asli Semoq Beri dan telah dipilih secara rawak. Data kajian diperolehi dengan menggunakan borang kaji selidik. Borang kaji selidik terbahagi kepada 4 bahagian, iaitu (i) profil responden, (ii) pekerjaan dan pendapatan, (iii) perbelanjaan asas, dan (iv) pemilikan aset. Dapatan kajian dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 24.0. Hasil kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual dengan menunjukkan nilai kekerapan dan peratusan serta dihuraikan secara deskriptif. Kampung Sungai Berua yang terletak di daerah Hulu Terengganu dipilih sebagai kawasan kajian kerana ia merupakan perkampungan orang asli Semoq Beri. Kampung Sungai Berua merupakan sebuah kampung penempatan semula yang diwujudkan oleh kerajaan pada tahun 1977 khususnya untuk orang asli Semoq Beri (Abdullah et al., 2018).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

(i) *Profil responden KIR*

Jadual 1 menunjukkan profil responden KIR orang asli Semoq Beri. Berdasarkan jadual tersebut, majoriti 100% responden terdiri daripada lelaki dan beragama Islam. Bagi kategori umur, sebanyak 20.0% responden terdiri daripada umur 30 hingga 35 tahun. Manakala sebanyak 56.7% responden terdiri daripada umur 36 hingga 40 tahun, dan selebihnya 23.3% responden lagi terdiri daripada umur 41 hingga 45 tahun.

Jadual 1: Profil responden KIR

Kategori	Klasifikasi	Kekerapan (n=30)	Peratusan (%)
Umur	30-35 tahun	6	20.0
	36-40 tahun	17	56.7
	41-45 tahun	7	23.3
Jantina	Lelaki	30	100
Agama	Islam	30	100
Tahap pendidikan	Tidak bersekolah	17	56.7
	Sekolah rendah	9	30.0
	Sekolah menengah rendah	4	13.3
Bilangan ahli isi rumah	1-3 orang	5	16.7
	4-6 orang	18	60.0
	7-10 orang	7	23.3

Bagi kategori tahap pendidikan, sebanyak 56.7% responden tidak mempunyai pendidikan formal, iaitu tidak bersekolah. Manakala sebanyak 30.0% responden mempunyai pendidikan sehingga tamat sekolah rendah, dan selebihnya 13.3% responden lagi tamat sekolah menengah rendah. Seterusnya, bagi kategori bilangan isi rumah pula, sebanyak 16.7% responden mempunyai bilangan isi rumah di antara 1 hingga 3 orang. Manakala sebanyak 60.0% responden mempunyai bilangan isi rumah di antara 4 hingga 6 orang, dan selebihnya 23.3% responden lagi mempunyai bilangan isi rumah di antara 7 hingga 10 orang.

Berdasarkan profil responden tersebut, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan responden tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi. Segelintir dalam kalangan mereka berjaya menamatkan pendidikan di sekolah rendah dan sedikit sahaja yang berjaya menamatkan pendidikan di sekolah menengah. Majoriti responden juga mempunyai bilangan isi rumah yang sederhana besar di antara 4 hingga 6 orang dalam setiap keluarga.

(ii) *Pekerjaan dan pendapatan*

Jadual 2 menunjukkan pekerjaan dan pendapatan responden. Berdasarkan jadual tersebut, pekerjaan utama responden adalah pemungut hasil hutan dan pemburu haiwan. Sebanyak 60.0% responden yang bekerja sebagai pemungut hasil hutan. Manakala sebanyak 26.7% responden bekerja sebagai pemburu haiwan, dan selebihnya 13.3% responden lagi bekerja sebagai peladang sawit. Bagi pendapatan bulanan pula, sebanyak 66.7% responden mempunyai pendapatan bulanan

di antara RM350-RM650. Manakala sebanyak 33.3% responden lagi mempunyai pendapatan di antara RM651-RM850. Hal ini menunjukkan bahawa kehidupan komuniti orang asli Semoq Beri masih lagi dikategorikan sebagai miskin sekiranya merujuk pendapatan garis kemiskinan (PGK) 2016 yang menetapkan nilai RM880 untuk kategori penduduk di luar bandar (Kementerian Pembangunan Luar Bandar 2018). Bagi kategori lokasi pekerjaan, sebanyak 13.3% responden yang bekerja di kawasan kampung. Manakala 86.7% responden lagi bekerja di luar kawasan kampung.

Jadual 2: Pekerjaan dan pendapatan

Kategori	Klasifikasi	Kekerapan (n=30)	Peratusan (%)
Pekerjaan utama	Pemungut hasil hutan	18	60.0
	Pemburu haiwan	8	26.7
	Peladang sawit	4	13.3
Pendapatan bulanan	RM350-RM650	20	66.7
	RM651-RM850	10	33.3
Lokasi pekerjaan	Di kawasan kampung	4	13.3
	Luar kawasan kampung	26	86.7

Berdasarkan dapatan di atas, dapat dilihat bahawa komuniti orang asli Semoq Beri masih lagi mengamalkan pekerjaan tradisional yang melibatkan persekitaran hutan sebagai sumber ekonomi utama mereka. Bagi mereka yang menjalankan aktiviti memungut hasil hutan sebagai sumber pendapatan utama untuk menyara kehidupan seharian, hasil hutan yang dipungut adalah seperti tongkat ali, kayu canang, kayu rotan, kayu kopak, kayu gaharu, buah-buahan dan ulam-ulaman. Segala hasil pungutan ini akan dijual kepada orang luar sama ada peniaga-peniaga dari bandar atau juga sesiapa (individu) yang membuat tempahan. Kebiasaannya orang luar yang menempah akar-akar kayu dan tumbuh-tumbuhan untuk tujuan kesihatan seperti mengubat penyakit, untuk wanita yang berpantang selepas melahirkan anak, dan kesihatan batin.

Di samping itu, bagi mereka yang menjalankan aktiviti memburu haiwan sebagai sumber ekonomi utama, haiwan yang menjadi buruan adalah seperti rusa, kijang, ayam hutan, landak, dan burung. Hasil buruan ini dijual kepada orang luar atau sesiapa yang membuat tempahan haiwan buruan yang khusus. Di samping itu juga, haiwan buruan ini akan dijadikan sebagai makanan di rumah sekiranya terdapat ahli keluarga yang mengidam atau mahu menikmatinya. Namun, hasil buruan ini bergantung pada rezeki atau tuah. Ada kalanya mereka tidak mendapat sebarang hasil buruan dalam tempoh yang disasarkan. Ada kalanya pula mereka mendapat hasil buruan yang melebihi permintaan. Sekiranya mereka mendapat hasil buruan yang lebih, mereka akan berkongsi dengan jiran-jiran. Subhi et al. (2019) dalam kajiannya menyatakan bahawa kehidupan orang asli Semoq Beri sangat bergantung pada hutan yang berfungsi sebagai sumber makanan dan pendapatan. Malah, mereka akan pergi ke hutan untuk mencari sumber hutan yang boleh dimakan seperti buah-buahan dan haiwan.

Seterusnya, bagi yang bekerja di luar kawasan dari perkampungan mereka, lokasi pekerjaan mereka ialah di daerah Dungun dan Kemaman. Bagi mereka yang memungut hasil hutan dan memburu, aktiviti tersebut dijalankan di kedua daerah tersebut. Jarak antara Kampung Sungai Berua dengan daerah Dungun dianggarkan sekitar 150 kilometer. Manakala jarak antara Kampung

Sungai Berua dengan daerah Kemaman pula dianggarkan sekitar 100 kilometer. Faktor mereka menjalankan aktiviti memungut hasil hutan dan memburu di lokasi yang jauh adalah disebabkan oleh kekurangan sumber hutan di kawasan kampung mereka. Hal ini mendorong mereka untuk mencari sumber hutan yang jauh dari tempat tinggal. Perkara ini juga dinyatakan oleh Abdullah et al. (2018) bahawa kekurangan hasil hutan yang disebabkan oleh persaingan dengan penceroboh hutan yang datang secara haram dari luar telah memaksa orang asli untuk mencari hasil sumber hutan di tempat yang jauh.

Tambahan pula, jarak perjalanan mereka untuk sampai ke daerah Dungun dan Kemaman mengambil masa lebih dari satu jam. Mereka pergi ke tempat kerja dengan menggunakan motosikal persendirian. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang berkongsi motosikal untuk ke tempat kerja. Jarak tempat kerja yang jauh tersebut secara tidak langsung menelan kos petrol yang tinggi. Namun, ia tidak menjadi penghalang kepada mereka untuk meneruskan pekerjaan tersebut sebagai sumber rezeki walaupun jarak perjalanan yang jauh. Hal ini disebabkan oleh budaya memungut hasil hutan dan memburu yang diwarisi sejak turun-temurun (Abdullah et al. 2015).

(iii) Perbelanjaan asas

Jadual 3 menunjukkan perbelanjaan asas responden untuk isi rumah yang terdiri daripada makanan, persekolahan anak, bil air, bil elektrik, petrol kenderaan, pakaian dan keperluan lain-lain. Bagi kategori perbelanjaan makanan untuk tempoh sebulan, sebanyak 26.7% responden berbelanja di antara RM50 hingga RM100. Manakala sebanyak 23.3% responden berbelanja di antara RM101 hingga RM150, 33.3% responden berbelanja di antara RM151 hingga RM200, dan selebihnya 16.7% responden lagi berbelanja di antara RM201 hingga RM250. Kategori perbelanjaan makanan ini termasuk pembelian makanan basah seperti daging, ikan, ayam, sayuran, buahan dan sebagainya. Manakala makanan kering pula seperti beras, bihun, tepung, gula, garam, kerepek dan sebagainya.

Jadual 3: Perbelanjaan asas

Kategori	Klasifikasi	Kekerapan (n=30)	Peratusan (%)
Makanan (sebulan)	RM50-RM100	8	26.7
	RM101-RM150	7	23.3
	RM151-RM200	10	33.3
	RM201-RM250	5	16.7
Bil elektrik (sebulan)	Bawah RM30	12	40.0
	RM31-RM50	14	46.7
	RM51-RM70	4	13.3
Bil air (sebulan)	Bawah RM30	5	16.7
	RM31-RM50	7	23.3
	RM51-RM70	18	60.0
Persekolahan anak (sebulan)	Bawah RM50	26	86.7
	RM51-RM100	4	13.3
Petrol kenderaan (sebulan)	Tiada	9	30.0
	RM30-RM50	4	13.3
	RM51-RM70	15	50.0

	RM71-RM90	2	6.7
Pakaian isi rumah (setahun)	RM100-RM150	7	23.3
	RM151-RM200	15	50.0
	RM201-RM250	5	16.7
	RM251-RM300	3	10.0
Keperluan lain- lain (sebulan)	RM50-RM100	12	40.0
	RM101-RM150	8	26.7
	RM151-RM200	6	20.0
	RM201-RM250	4	13.3

Bagi kategori perbelanjaan bil elektrik untuk tempoh sebulan, sebanyak 40.0% responden berbelanja tidak melebihi RM30. Manakala sebanyak 46.7% responden berbelanja di antara RM31 hingga RM50, dan selebihnya 13.3% responden lagi berbelanja di antara RM51 hingga RM70. Hal ini menunjukkan bahawa perbelanjaan bil elektrik mereka masih rendah disebabkan oleh ketidakupayaan memiliki aset-aset yang menggunakan tenaga elektrik.

Bagi kategori perbelanjaan bil air untuk tempoh sebulan, sebanyak 16.7% responden berbelanja tidak melebihi RM30. Manakala sebanyak 23.3% responden berbelanja di antara RM31 hingga RM50, dan selebihnya 60.0% responden lagi berbelanja di antara RM51 hingga RM70. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden membelanjakan bil air melebihi RM50. Penggunaan air yang dibekalkan di perumahan mereka digunakan untuk mandi, membasuh barangan dapur, membasuh makanan, dan membasuh pakaian. Bagi responden yang mempunyai jumlah isi rumah yang ramai, perbelanjaan bil air akan meningkat disebabkan oleh kuasa guna isi rumah.

Bagi kategori persekolahan anak-anak untuk tempoh sebulan, sebanyak 86.7% responden berbelanja tidak melebihi RM50. Manakala sebanyak 13.3% responden berbelanja di antara RM51 hingga RM100. Bagi responden yang mempunyai lebih daripada dua orang anak bersekolah, mereka akan berbelanja melebihi RM50 sebulan untuk keperluan sekolah anak-anak mereka termasuk duit belanja untuk membeli makanan, alat tulis, buku, dan sebagainya.

Bagi kategori petrol kenderaan untuk tempoh sebulan, sebanyak 30.0% responden tidak mempunyai perbelanjaan petrol. Hal ini disebabkan oleh mereka tidak mempunyai motosikal dan kereta sebagai kenderaan asas. Manakala sebanyak 13.3% responden berbelanja di antara RM30 hingga RM50, 50.0% responden berbelanja di antara RM51 hingga RM70, dan selebihnya 6.7% responden lagi berbelanja di antara RM71 hingga RM90. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden membelanjakan kos petrol motosikal melebihi RM50 untuk tempoh sebulan. Faktor jarak lokasi pekerjaan mereka yang jauh dari rumah seperti di daerah Dungun dan Kemaman yang melebihi 100 kilometer secara tidak langsung memerlukan penggunaan petrol yang tinggi. Mereka hanya menggunakan motosikal sahaja untuk menjalankan aktiviti pekerjaan mereka. Terdapat dalam kalangan mereka yang berulang alik dari rumah ke tempat kerja, dan terdapat juga dalam kalangan mereka yang tinggal di tempat kerja selama beberapa hari disebabkan oleh faktor jarak, kos, dan tenaga.

Bagi kategori pakaian isi rumah untuk tempoh setahun, sebanyak 23.3% responden berbelanja di antara RM100 hingga RM150. Manakala sebanyak 50.0% responden berbelanja di antara RM151 hingga RM200, 16.7% responden berbelanja di antara RM201 hingga RM250, dan selebihnya 10.0% responden lagi berbelanja di antara RM251 hingga RM300. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa perbelanjaan pakaian dalam kalangan mereka adalah rendah. Hal ini

disebabkan oleh mereka tidak mementingkan jenama sesuatu pakaian. Pakaian yang ada akan digunakan sehingga lusuh. Tambahan pula, mereka sering mendapat bantuan pakaian daripada NGO dan pakaian daripada penderma luar. Jadi, pakaian tersebut digunakan sebagai pakaian harian dan disebabkan itu juga mereka tidak berbelanja tinggi untuk membeli pakaian. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Hanafiah (2014), iaitu perbelanjaan pakaian dalam kalangan orang asli amat rendah disebabkan oleh mereka sering mendapat sumbangan pakaian terpakai daripada orang awam.

Bagi kategori perbelanjaan keperluan lain-lain untuk tempoh sebulan, sebanyak 40.0% responden berbelanja di antara RM50 hingga RM100. Manakala sebanyak 26.7% responden berbelanja di antara RM101 hingga RM150, 20.0% responden berbelanja di antara RM151 hingga RM200, dan selebihnya 13.3% responden lagi berbelanja di antara RM201 hingga RM250. Keperluan lain-lain ini termasuk barangan peribadi (rokok, tambah nilai kredit telefon bimbit), barangan mandian (syampu, sabun, ubat gigi, berus gigi), barangan kesihatan (minyak angin, minyakurut, pil-pil kesihatan, minuman kesihatan) dan sebagainya.

(iv) Pemilikan aset

Jadual 4 menunjukkan pemilikan aset responden yang terdiri daripada kenderaan, kelengkapan rumah, dan barangan peribadi. Bagi aset kenderaan, majoriti 100% responden tidak memiliki kereta. Manakala, sebanyak 70.0% responden mempunyai motosikal, dan selebihnya 30.0% responden lagi tiada. Motosikal menjadi aset yang penting kepada mereka untuk melakukan sebarang aktiviti harian seperti ingin ke tempat kerja, menghantar anak ke sekolah, membeli barangan di pekan, dan sebagainya. Bagi kelengkapan rumah, sebanyak 73.3% responden mempunyai dapur gas, manakala 26.7% responden lagi tiada. Sebanyak 26.7% responden mempunyai periuk nasi elektrik, manakala 73.3% responden lagi tiada. Sebanyak 23.3% responden mempunyai peti sejuk di rumah, manakala 76.7% responden lagi tiada. Jelas dilihat bahawa kaedah memasak dalam kalangan mereka sudah berubah ke arah yang moden, namun sebilangan kecil dalam kalangan mereka yang tidak mempunyai dapur gas dan masih menggunakan kaedah tradisional untuk memasak, iaitu menggunakan bahan seperti kayu dan arang. Bagi mereka yang tidak mempunyai peti sejuk di rumah, ia menyukarkan keadaan mereka untuk menyimpan stok makanan. Sekiranya mereka membeli barangan basah seperti ikan, daging, dan sayur, barangan ini akan dihabiskan dalam masa sehari. Sekiranya stok tidak dihabiskan, dikhuatiri akan menjejaskan kualiti barangan basah tersebut disebabkan oleh ketiadaan peti sejuk untuk menyimpan barangan basah. Barangan makanan yang dibeli oleh mereka adalah seperti beras, minyak, gula, tepung, garam, ubi kentang, ikan, daging, dan sebagainya di pekan yang berhampiran. Harga barangan makanan yang kian mahal pada masa kini sedikit sebanyak membebakan hidup mereka disebabkan oleh pendapatan daripada pekerjaan utama yang tidak tinggi khususnya bagi mereka yang mempunyai bilangan isi rumah yang ramai. Hal ini juga dinyatakan oleh Ramli et al. (2019), iaitu jumlah pendapatan sesebuah isi rumah yang rendah tidak cukup untuk menampung hidup sekeluarga disebabkan oleh kos sara hidup yang semakin meningkat saban hari lebih-lebih lagi jika mempunyai bilangan isi rumah yang ramai.

Jadual 4: Pemilikan aset

Item	Ada (n=30)	Peratusan (%)	Tiada (n=30)	Peratusan (%)
Kereta	-	-	30	100
Motosikal	21	70.0	9	30.0
Televisyen	11	36.7	19	63.3
Radio	10	33.3	20	66.7
Mesin basuh	9	30.0	21	70.0
Peti sejuk	7	23.3	23	76.7
Perabot bilik tidur	3	10.0	27	90.0
Perabot ruang tamu	6	20.0	24	80.0
Periuk nasi elektrik	8	26.7	22	73.3
Dapur gas	22	73.3	8	26.7
Telefon bimbit	12	40.0	18	60.0
Komputer peribadi	-	-	30	100

Selain itu, sebanyak 36.7% responden mempunyai televisyen di rumah, manakala 63.3% responden lagi tiada. Begitu pula dengan radio, sebanyak 33.3% responden mempunyai radio di rumah, manakala 66.7% responden lagi tiada. Untuk item mesin basuh, sebanyak 30.0% responden mempunyai mesin basuh di rumah, manakala 70.0% responden lagi tiada. Sebanyak 10.0% responden mempunyai perabot bilik tidur, manakala 90.0% responden lagi tiada. Begitu juga dengan perabot ruang tamu, sebanyak 20.0% responden mempunyai perabot ruang tamu, manakala 80.0% responden lagi tiada. Dapat dilihat bahawa tidak ramai dalam kalangan mereka yang mempunyai televisyen dan radio di rumah sebagai sumber untuk mendapatkan maklumat dan hiburan. Hal ini secara tidak langsung membuatkan mereka tersasar jauh daripada perkembangan maklumat yang makin baharu kian hari. Bagi mereka yang tiada mesin basuh, sebilangan kecil menggunakan sungai yang berhampiran untuk membasuh pakaian mereka. Namun, kebanyakan mereka menggunakan kaedah membasuh secara biasa dengan menggunakan bekalan air di rumah.

Bagi aset peribadi, majoriti 100% responden tidak mempunyai komputer peribadi di rumah. Manakala sebanyak 40.0% responden mempunyai telefon bimbit, dan selebihnya 60.0% responden lagi tiada. Namun, dapat dilihat bahawa kebanyakan mereka masih menggunakan telefon bimbit biasa yang hanya berfungsi untuk membuat panggilan dan mesej sahaja. Sebarang aplikasi pintar lain tidak dapat digunakan dalam telefon bimbit tersebut. Begitu juga dengan liputan rangkaian di kawasan kampung tersebut yang amat perlahan untuk mengakses sebarang penggunaan internet. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa tiada signifikan dalam kalangan mereka untuk mempunyai telefon pintar dan juga komputer peribadi.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, kajian ini telah berjaya memperlihatkan keadaan ekonomi komuniti orang asli Semoq Beri yang masih belum memuaskan berbanding masyarakat arus perdana. Kebanyakan dalam kalangan mereka masih hidup dalam keadaan yang miskin dan serba kekurangan. Hal ini menjadi satu bebanan kepada mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup seharian yang mana ketidakmampuan untuk membeli barangan keperluan diri, keperluan rumah, dan keperluan

keluarga disebabkan oleh pendapatan bulanan yang dijana adalah rendah. Begitu juga dengan sikap sebilangan dalam kalangan mereka yang tidak mengambil peduli untuk berubah ke arah yang lebih baik sehingga menyukarkan diri mereka untuk mendepani kemajuan hidup. Pelbagai bantuan yang disediakan oleh kerajaan seperti projek penempatan semula dan kemudahan-kemudahan asas di perkampungan mereka, tetapi hasilnya tetap tidak menunjukkan perubahan hidup yang baik atau dalam erti kata lain, terus hidup dalam keadaan mundur.

Walaupun negara sedang bergerak maju seiring dengan arus pemodenan, namun ia telah membuktikan bahawa komuniti orang asli Semoq Beri masih tidak mampu untuk mengejar nikmat kemodenan tersebut. Sebagai contoh, sebahagian dalam kalangan mereka tidak mempunyai televisyen dan radio. Peralatan teknologi sebegini merupakan saluran untuk memperoleh pelbagai maklumat dari dalam dan luar negara. Tambahan pula, kelihatan ramai anak mereka yang tidak hadir ke sekolah untuk mendapatkan akses pendidikan. Hal ini amat membimbangkan kerana pendidikan merupakan aspek yang penting dalam kehidupan. Melalui pendidikan, orang asli Semoq Beri mampu untuk mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih progresif dan mampu membawa perubahan hidup daripada dilema kemunduran.

Melalui kajian ini, cadangan yang dapat diutarakan adalah seperti pihak kerajaan, pihak NGO, pihak swasta, dan pihak akademik seharusnya berganding bahu untuk membantu meningkatkan kesejahteraan hidup orang asli Semoq Beri khususnya dan orang asli amnya. Mereka merupakan kumpulan minoriti di negara ini yang perlu diberi perhatian secara serius supaya tiada dalam kalangan mereka yang terpinggir dari aspek ekonomi dan sosial. Pihak JAKOA seharusnya merangka strategi yang lebih agresif untuk membantu mereka terutama dari aspek pembangunan ekonomi. Perlunya mewujudkan lebih banyak program pembangunan ekonomi untuk mereka dalam usaha memastikan mereka dapat menjana sumber pendapatan yang lebih baik dari sekarang. Program-program pembangunan ekonomi yang akan dijalankan mestilah dipantau secara berkala agar ia dapat memberikan impak positif yang berterusan kepada masyarakat orang asli. Melalui usaha ini, mereka akan dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sejahtera.

RUJUKAN

- Abdullah, J., Borhan, M. A. A. & Ahmad, C. B. (2015). Orang asli resettlement in urban environment at Bukit Lanjan, Selangor, Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 201, 71-79.
- Abdullah, J., Samat, S. A. A. & Ahmad, C. B. (2018). Impacts of resettlements on orang asli community in Sungai Berua, Hulu Terengganu, Malaysia. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 3(7), 65-75.
- Abdullah, R., Simin, M. H. A. & Ibrahim, M. A. (2015). Development participation among orang asli in Sungai Berua Village, Malaysia. *Asian Journal for Poverty Studies (AJPS)*, 1(2), 171-176.
- Carey, I. (1976). *Orang asli: The aboriginal tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Choy, E. A., Ariffin, Z. C. M. & Pereira, J. J. (2010). Sosioekonomi masyarakat orang asli: Kajian kes di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor, Malaysia. *Jurnal Melayu*, 5, 295-314.

- Fadzil, K. S., Ibrahim, W. S. W., Awang, S. N., Zainol, R. & Edo, J. (2016). Masyarakat pribumi, infrastruktur sosial dan pembangunan terancang di Malaysia: Kajian penglibatan masyarakat orang asli di RPS Air Banun, Belum-Temengor, Perak. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 88-100.
- Hanafiah, N. M. A. (2014). *Impak program rancangan pengumpulan semula (RPS) dalam membasmi kemiskinan orang asli di Malaysia: Satu kajian kes di RPS Air Banun Perak* (PhD dissertation). Retrieved from Universiti Sains Malaysia.
- Harun, M. F. M. & Idris, N. A. (2009). *Pembangunan masyarakat orang asli dilema miskin dan terpinggir*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA). Universiti Teknologi MARA.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2018). *Demografi orang asli*. Retrieved from http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/demografi-orang-asli-mac-2018
- Jamiran, M. N. S. & Wee, S. T. (2013). Kelestarian transformasi pembangunan sosioekonomi orang asli. Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar kali ke 4, 5-6 Mac, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar. (2019). *Data asas KPLB 2019*. Putrajaya: Malaysia. Retrieved from <http://www.rurallink.gov.my/rakyat/data-asas-kplb/>
- Krishnasamy, D. S. & Hassan, A. A. G. (2016). *Masyarakat orang asli: Impak program penempatan semula*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Lee, H. Z., Vivien, W. C. Y., Azima, A. M., Mal, K. S. & Geraldine, K. L. C. (2018). Perubahan sosioekonomi komuniti orang asli Jakun akibat rancangan penempatan semula: Satu kajian kes di RPS Runchang, Pahang. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14(4), 127-141.
- Omar, M. & Fizer, N. H. M. (2015). Kelestarian hidup ekonomi komuniti orang Kanaq dan orang Kuala, Johor: Suatu penelitian dari aspek penguasaan ke atas modal kewangan. *e-Bangi-Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(2), 118-133.
- Ramli, M. W., Dawood, S. R. S. & Som, S. H. M. (2019). Cabaran hidup miskin dalam kalangan komuniti nelayan di Tanjung Dawai, Kedah. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(1), 54-66.
- Razid, M. A. A. (2013). *Kejayaan Malaysia dalam program basmi kemiskinan*. Jabatan Penerangan Malaysia: Putrajaya.
- Subhi, F., Simin, H., Abdullah, R. & Sa'di, S. (2019). Weaknesses of economic development on Semaq Beri in Terengganu. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(1), 1134-1141.

MAKLUMAT PENULIS

MUHAMMAD WAFI RAMLI

Bahagian Geografi,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
wafiramli22@gmail.com